

Mereka menyebabkan 500,000 kanak-kanak Iraq terkorban – Dr. M

'Bush, Blair pembunuh'

UM - 8/2/2007

Oleh RAJA LUVENA SHARIFUDDIN
dan S. ANAND KUMAR

**Apa yang telah dilakukan oleh Blair
dan Bush adalah lebih teruk daripada yang
pernah dilakukan oleh Saddam**

**DR. MAHATHIR
MOHAMAD**
Bekas Perdana
Menteri

KUALA LUMPUR 5 Feb. – Tun Dr. Mahathir Mohamad terus membidas Presiden Amerika Syarikat (AS), George W. Bush dan Perdana Menteri Britain, Tony Blair dengan menegaskan dunia patut mengingati mereka sebagai 'pembunuh kanak-kanak' atau sebagai 'Perdana Menteri atau Presiden yang berbohong'.

Pengerusi Pertubuhan Keamanan Sejagat Perdana itu berkata, mereka berhak menerima label tersebut berdasarkan kepada perbuatan terkutuk yang telah dilakukan mereka dalam peperangan.

Beliau berkata, meskipun Blair menyatakan kekesalannya ke atas penggantungan bekas Presiden Iraq, Saddam Hussein, pada masa yang sama, beliau tetap mengingatkan orang ramai agar tidak melupakan Saddam

sebagai penyembelih Baghdad.

"Blair merupakan pembunuh 500,000 kanak-kanak Iraq dan penipu yang memberitahu warganya bahawa Saddam memiliki senjata pemusnah besar-besaran (WMD) yang boleh dilancarkan ke atas Britain dalam masa 45 minit.

"Apa yang telah dilakukan oleh Blair dan Bush adalah lebih teruk daripada yang pernah dilakukan oleh Saddam," kata bekas Perdana Menteri.

Beliau berkata demikian semasa menyampaikannya ucap pada Persidangan dan Pameran Antarabangsa 'Dedahkan Jenayah

Peperangan - Jenayahkan Peperangan' anjuran Pertubuhan Keamanan Sejagat Perdana di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini.

Persidangan tiga hari itu yang turut mendapat kerjasama kerajaan dihadiri lebih 3,000 peserta dari dalam dan luar negara, terdiri daripada golongan profesional, pendidik, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), penguam dan pelajar institusi pengajian tinggi.

Mereka mula membanjiri kaunter pendaftaran seawal pukul 7 pagi bagi menghadiri persidangan itu yang bermula pukul 9 pagi.

Kehadiran orang ramai melebihi jangkauan

penganjur sehingga kerusi tambahan terpaksa disusun di luar dewan berhadapan dengan skrin besar bagi membolehkan mereka yang tidak mendapat tempat duduk di dalam dewan untuk mengikuti ucapan.

Kelihatan juga orang ramai yang tidak mahu melepaskan peluang ini duduk bersila di tingkat dua PWTC untuk mendengar ucapan.

Turut hadir, isteri Dr. Mahathir, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali dan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Abdul Aziz Shamsudin.

Pameran Jenayah Peperangan yang diadakan di situ memaparkan kekejaman di penjara Abu Gharib, pembunuhan beramai-ramai di Haditha dan pembunuhan di Qana.

Menurut Dr. Mahathir, sekiranya Tribunal Jenayah Perang Kuala Lumpur yang akan ditubuhkan mendapati Blair bersalah, pemimpin itu tidak patut digantung.

● **Lihat muka 2**

'Bush, Blair pembunuh'

Beliau berkata, sebaliknya pemimpin berkenaan akan terus dikenakan label sebagai penjenayah peperangan, pembunuh kanak-kanak dan penipu.

"Begitu juga dengan Bush dan 'poketnya' di Australia (Perdana Menteri John Howard)," katanya.

Beliau berkata, walaupun kerajaan-kerajaan tidak mungkin mengubah undang-undang untuk mengenakan label ke atas penjenayah peperangan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan pihak media boleh mengusahakannya agar ia menjadi kebiasaan.

"Orang ramai dan NGO perlu membuat

penjenayah peperangan ini merasa tidak diterima di mana sahaja mereka berada.

"Mereka perlu dikejar dan diletakkan gambar mereka berserta label penjenayah peperangan," ujarinya.

Dr. Mahathir menambah, Bush dan Blair kini telah pun dihukum oleh rakyat sendiri dan pihak media melalui kutukan dan kecaman secara terbuka.

Tribunal tersebut juga, kata beliau, boleh melaksanakan perbicaraan walaupun pihak tertuduh tidak hadir.

"Sebuah tribunal yang dihormati dan adil yang mengenakan undang-undang yang dike-

nali pastinya mendapati keputusannya dihormati dunia seperti mana dunia menghormati Nobel Laureate, sebagai contoh," katanya.

Bagi menjayakan lagi usaha ini, kata beliau, aktivis antipeperangan di negara-negara yang kerajaannya dipilih dan memiliki kekuatan tentera, perlu berkempen bagi calon yang mengecam peperangan.

"Kita perlu pastikan hanya calon antipeperangan mendapat sokongan untuk jawatan Presiden dan Perdana Menteri serta badan pentadbiran.

"Hanya apabila pemimpin yang dipilih menyokong perdamaian, barulah akan ada

keamanan di dunia," tegasnya.

Dr. Mahathir berkata, peperangan di Asia Barat tidak akan berakhir selagi hati dan pemikiran penduduknya tidak ditawan.

Katanya, ia hanya mampu dicapai jika kuasa-kuasa besar bersedia mengakui punca utama konflik tersebut dan menyingkirkannya.

"Apabila anda salah, mengakuilah bahawa anda bersalah kerana berada dalam keadaan tidak sedar, tidak membantu anda atau orang lain.

"Membawa masuk lebih banyak bala tentera hanya mewujudkan lebih banyak sasaran," tegasnya.